

## Siaran Media

### **Formulasi Makanan Ternakan Mengikuti Pengeluaran Bagi Lembu Kedah Kelantan Elit MARDI Penuhi Keperluan Nutrisi Pada Kos Yang Optimum**

KEMAMAN, 7 Mac 2021 – Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I (MAFI), YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah pada hari ini telah melancarkan Produk Formulasi Makanan Ternakan Mengikuti Pengeluaran Bagi Lembu Kedah Kelantan Elit di MARDI Kemaman, Terengganu.

Industri ternakan terutama ternakan ruminan pada masa ini masih berskala kecil dan berpotensi untuk dikembangkan bagi menjamin bekalan makanan (daging dan susu) dalam negara serta mengurangkan import. Antara isu dan cabaran utama yang dihadapi dalam pembangunan industri ini adalah kekurangan baka yang bersesuaian dengan persekitaran tempatan, harga makanan ternakan yang tinggi serta kekurangan kepakaran dan tenaga kerja. Menyedari hakikat itu, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah mengambil inisiatif menjalankan kajian manipulasi makanan dan pembiakan terpilih.

Melalui penyelidikan yang berterusan selama 12 tahun, penyelidik MARDI telah berjaya membangunkan baka lembu Kedah Kelantan Elit (KK Elit). Baka ini dibangunkan melalui program pemilihan dan peningkatan baka (selective breeding) secara berstruktur baka lembu tempatan Kedah Kelantan. Baka KK Elit berupaya mencapai berat maksimum antara 430 – 460 kg bagi jantan dan 220 – 250 kg bagi betina pada umur 3 – 4 tahun. Kadar kenaikan berat badan harian juga berjaya ditingkatkan daripada 350 g/hari sehingga 800 g/hari dalam sistem fidlot dengan pemberian formulasi makanan terumus. Baka KK Elit ini telah diisytiharkan pada 14 April 2018.

Dalam menyokong pembangunan baka KK Elit ini, MARDI telah menghasilkan Pakej Formulasi Makanan Lembu KK Elit mengikut peringkat pengeluaran. Produk-produk formulasi makanan yang dihasilkan ini berupaya memastikan ternakan mencapai jumlah makanan kering dalam bentuk komponen nutrisi karbohidrat, protein, lemak, galian dan vitamin yang seimbang dan mencukupi. Antara formulasi makanan ternakan yang dihasilkan MARDI termasuklah; (i) Formulasi Makanan Peringkat Prapembiakan/Penggemukan (flushing) (ii) Formulasi Makanan Peringkat Pembiakan (iii) Formulasi Makanan Peringkat Laktasi; dan (iv) Formulasi Makanan Peringkat Pembesaran. Kesemua produk yang dihasilkan ini masing-masing mempunyai

tambahan fungsian dan kelebihan yang tersendiri. Ia dirumus bagi mengimangi keperluan nutrisi lembu baka KK Elit untuks emua peringkat produksi pada kos yang optimum.

“MARDI akan terus melaksanakan penyelidikan bagi menghasilkan teknologi baru dari semasa ke semasa dan mengambil pendekatan proaktif menyelesaikan masalah yang timbul di lapangan untuk faedah penternak. Kerjasama erat dengan semua pihak dari jabatan dan agensi perlu dikekalkan bagi menyokong pembangunan pertanian di peringkat Persekutuan dan negeri termasuk penternak supaya akan terus dapat menyumbang kepada kesejahteraan komuniti.” – Ujar Ahmad Hamzah

Majlis disempurnakan oleh YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I (MAFI). Turut hadir, YB Datuk Wira Ghazale Bin Muhammad, Timbalan Speaker Negeri Melaka Merangkap ADUN RIM, Negeri Melaka; Y.Bhg. Datuk Dr. Mohamad Roff bin Mohd Noor, Ketua Pengarah MARDI; Y.Brs. Puan Hasimah binti Hafiz Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah Penyelidikan MARDI; Y.Brs. En. Amiran bin Ngah, Pengarah MARDI Terengganu; dan Barisan Pengurusan Kanan MARDI.

### **Mengenai Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)**

Akta MARDI 1969 telah membawa kepada penubuhan MARDI pada 28 Oktober 1969. Sepanjang hampir 50 tahun penubuhannya, projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dirancang dan dilaksanakan oleh MARDI telah menjana pelbagai penemuan teknologi yang memberi manfaat kepada sektor pertanian negara. Produk R&D MARDI telah terbukti mampu merealisasikan agenda utama negara dalam mentransformasikan sektor pertanian ke arah ekonomi lebih maju pada kini dan masa hadapan.

### **Imbas kod QR untuk mengakses maklumat berikut:**

1. Siaran Media
2. *Talking Point* YBTM (I)
3. Brosur Teknologi
4. MARDI Sepintas Lalu
5. Video Korporat MARDI



### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Jafni Johari Jiken**  
Pegawai Perhubungan Awam  
+6016-980 5587 | jafni@mardi.gov.my

**Hazrul Amry Mohd Noor**  
+6012-484 0672 | amry@mardi.gov.my

